

**NO. SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 ( SELASA )**

**SOALAN :**

**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai penumpang VIP dalam pesawat pengangkut VIP Airbus A319CJ dengan pendaftaran 9M-NAA pada 27 Ogos 2014 untuk penerbangan dari KLIA ke Padang, Indonesia serta tujuan penerbangan tersebut dan butiran kos secara terperinci untuk keseluruhan penerbangan tersebut**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan, penumpang bagi pesawat tersebut adalah YAB Perdana Menteri, YABhg isteri Perdana Menteri dan delegasi Kerajaan bagi lawatan rasmi ke Singapura.

Pesawat tersebut merupakan pesawat rasmi Kerajaan di mana ia digunakan atas urusan YAB Perdana Menteri. Segala kos yang terlibat dalam penerbangan tersebut adalah di dalam anggaran yang bersesuaian dengan perkhidmatannya.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIO-LEUNG  
[ ALOR SETAR]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 24**

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status siasatan Kerajaan ke dalam kemalangan MH17, iaitu sama ada pelaku yang menembak jatuh pesawat itu telah dikenal pasti, dan apakah tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap pelaku.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah dimaklumkan bahawa *Preliminary Report* bagi kes nahas melibatkan pesawat MH17 telah pun dikeluarkan oleh *Dutch Safety Board* (DSB) pada September 2014. Pelaku yang melakukan kerja terkutuk ini masih belum dikenalpasti dan sekiranya terbukti, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.

Tindakan untuk menuntut keadilan atas tragedi pesawat MH17 sedang diambil secara bersama dengan pihak berkuasa negara lain yang mempunyai mangsa atas pesawat MH17 itu. Dalam hal ini, adalah penting untuk memastikan siasatan yang adil dan bebas dijalankan. Berdasarkan maklumat yang ada setakat ini, kepastian yang ada hanyalah bahawa pesawat MH17 telah dijatuhkan oleh suatu sistem peluru berpandu (*missile system*). Namun, pihak yang telah menembak peluru berpandu itu masih perlu dibuktikan melampaui keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*) dan perkara ini masih dalam siasatan.